

# Konsep Felda perlu diubah

B.H. 11 SEP 1977

Oleh Aminuddin Ibrahim dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Khamis -- Dr Mahathir Mohamad berkata pendekatan awal penubuhan tanah rancangan Felda sudah tidak sesuai dengan keadaan zaman sekarang disebabkan generasi kedua dan ketiga tidak mahu meneruskan kerja peneroka.

Perdana Menteri berkata, ketika ditubuhkan pada 1 Julai 1956, pendekatan yang digunakan memang sesuai kerana ketika itu ramai tidak memiliki tanah manakala peluang kerja amat terhad, kecuali di sektor awam yang memerlukan pendidikan tinggi.

"Bagaimanapun, kini timbul masalah, iaitu tidak ada tenaga penyambung usaha itu kerana peneroka asal sudah tua dan generasi selepas mereka mula berhijrah ke tempat lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu berlaku meskipun tanah rancangan Felda yang merangkumi 520,000 hektar, adalah syarikat perladangan terbesar di dunia.

Beliau berucap di majlis 'Sehari Bersama Rakyat' di Sekolah Kebangsaan Rancangan Guar Napai, di sini hari ini.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang memikirkan cara

tertentu bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di rancangan Felda berikutan keengganan anak peneroka menyambung usaha ibu bapa mereka.

Beliau berkata, anak peneroka lebih suka menetap dan bekerja di bandar sehingga menimbulkan masalah mengusahakan tanah rancangan.

Dr Mahathir berkata, masalah itu akan berterusan kerana generasi selepas peneroka asal enggan menyambung tugas ibu bapa, walaupun mereka tidak memiliki kelayakan tinggi untuk mendapat kerja yang baik di bandar.

"Generasi kedua dan ketiga peneroka Felda tidak akan balik ke tanah rancangan. Mereka enggan menjadi peneroka, sebaliknya lebih suka bekerja di bandar seperti di tempat pekerjaan yang berhawa dingin," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan keadaan ketika tanah rancangan mula dibuka dahulu, berbeza dengan zaman sekarang.

"Pada masa itu ia adalah rancangan istimewa sehingga menarik perhatian dunia luar, seperti Afrika untuk mempelajari cara Malaysia melaksanakan rancangan Felda.

"Selepas Merdeka, kerajaan membuka lebih banyak tanah rancangan dan mengambil rakyat sebagai peneroka bagi membolehkan mereka memperolehi pendapatan.

"Pada masa itu, pendekatan itu memang sesuai kerana ramai yang tidak memiliki tanah manakala peluang kerja amat terhad.

"Bagaimanapun, kini timbul masalah, iaitu tidak ada tenaga bagi meneruskan usaha itu kerana peneroka asal sudah tua dan generasi selepas mereka mula berhijrah ke tempat lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, anak peneroka yang berpendidikan tinggi bekerja di bandar sebagai doktor, jurutera dan peguam manakala yang tidak berpendidikan tinggi pula bekerja di sektor lain, termasuk kilang.

Bagaimanapun, beliau berbangga kerana masalah pekerjaan di negara ini tidak sukar diatasi berbanding negara lain yang mempunyai ramai penduduk.

Namun, sesuatu perlu dilakukan bagi mencari cara yang paling sesuai dengan zaman industri supaya semua penduduk berpeluang bekerja.